

Teks Ucapan Khas Bersama Memulihkan Negara – 13 Ogos 2021

By : YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN

Date : 13/08/2021

KENYATAAN MEDIA

YAB PERDANA MENTERI

KEMUDAHAN SEKTOR EKONOMI

Pada 8 Ogos yang lalu, saya telah mengumumkan kemudahan-kemudahan sektor sosial bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap. Kemudahan-kemudahan itu termasuklah rentas negeri atau daerah bagi pasangan jarak jauh, anak jarak jauh bagi Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan rentas daerah, dine-in dan aktiviti sukan outdoor bagi negeri-negeri di dalam Fasa 2 PPN dan seterusnya.

Saya juga ambil maklum ada pengusaha-pengusaha kedai makan telah memaparkan maklumat berhubung bilangan pekerja yang telah menerima vaksinasi lengkap untuk membantu pelanggan memilih premis yang ingin

dikunjungi. Ada juga pemilik premis yang mahu menunggu sehingga semua pekerjanya lengkap vaksinasi sebelum memulakan aktiviti dine-in bagi mewujudkan persekitaran premis yang lebih selamat.

Perkembangan yang diperhatikan ini selari dengan saranan saya pada 8 Ogos iaitu supaya rakyat yang sudah menerima vaksinasi lengkap dapat membuat pertimbangan risiko sendiri yang rasional dan bijaksana dalam menghadapi ancaman virus COVID-19 biarpun Kerajaan telah membenarkan beberapa bentuk kemudahan.

Namun saya juga sedar bahawa ada yang kecewa kerana tidak berpeluang memanfaatkan kemudahan yang diumumkan terutama penduduk di negeri-negeri Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Walaupun kekecewaan ini amat saya fahami, tetapi setiap keputusan untuk memberikan kemudahan-kemudahan ini mesti dibuat dengan berhati-hati dan mengambil kira negara kita masih berada di dalam situasi pandemik.

Menteri Penyelaras PPN YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz telah menjelaskan bahawa matlamat utama Fasa 1 PPN ialah untuk menurunkan bilangan kes harian, meningkatkan kadar vaksinasi, menggalakkan setiap negeri untuk beralih ke Fasa 2 dan paling penting untuk menurunkan kadar penggunaan katil di Unit Rawatan Rapi (ICU). Kerajaan melalui Greater Klang Valley Special Task Force (GKVSTF)

dan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) sememangnya sedang bertungkus-lumus untuk meredakan situasi di Lembah Klang.

Alhamdulillah, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam sidang media pada 13 Ogos 2021 menyatakan bahawa Operasi Lonjakan Kapasiti (Operation Surge Capacity) di Lembah Klang sejak 26 Julai lalu telah menyaksikan kadar kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital bagi semua kumpulan umur mula menunjukkan penurunan.

Kita juga sudah mula melihat perkembangan awal yang positif daripada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di beberapa buah negeri iaitu di Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak, Negeri Sembilan dan negeri-negeri Lembah Klang (Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya). Semalam buat pertama kalinya, tidak ada kes jangkitan baharu COVID-19 yang dilaporkan di WP Labuan.

Data yang dikumpul oleh KKM menunjukkan bahawa setakat ini, kesemua negeri yang dinyatakan telah mula menunjukkan penurunan bilangan kes bagi kategori 3 hingga 5 apabila liputan dos lengkap vaksin COVID-19 bagi populasi dewasa ((18 tahun dan ke atas) telah melebihi 40 peratus.

Pada masa yang sama, data daripada Crisis Preparedness Response Centre (CPRC) bagi Hospital menunjukkan situasi di Jabatan Kecemasan di Lembah Klang juga bertambah baik. Contohnya purata pesakit yang menunggu di Jabatan Kecemasan untuk ditempatkan ke wad pesakit bagi hospital KKM di negeri-negeri Lembah Klang telah menurun.

Pada 31 Julai 2021, purata sehari pesakit yang menunggu di Jabatan Kecemasan adalah 909 orang. Alhamdulillah, hasil perancangan rapi Kerajaan dan pelaksanaan strategi oleh KKM serta kesan vaksinasi, purata sehari pesakit yang menunggu telah menurun kepada 239 orang pada 13 Ogos 2021.

Saya amat berharap agar trend penurunan ini akan berterusan dan dapat mengurangkan beban kes COVID-19 yang serius serta kemasukan pesakit ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Walaubagaimanapun, kapasiti pesakit di ICU masih lagi penuh memandangkan rawatan pesakit di ICU adalah jauh lebih rumit dan memakan tempoh lebih panjang berbanding di wad biasa.

Oleh itu, segeralah mendaftar untuk dapatkan vaksinasi, termasuk bagi ibu hamil dan remaja dalam kumpulan umur yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksinasi. Majikan juga perlu mainkan peranan untuk memastikan pekerja mereka termasuk pekerja asing mendapat vaksinasi.

Seperti saya nyatakan sebelum ini, Kerajaan menerusi Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) sentiasa mempertimbangkan kemudahan-kemudahan lain dengan memberi penekanan terhadap **tiga aspek utama** iaitu **kesihatan dan keselamatan rakyat; ekonomi rakyat dan kelangsungan perniagaan;** serta **kesejahteraan rakyat.**

Kerajaan faham bahawa banyak aktiviti ekonomi yang tergendala dan pelbagai kemahuan tidak dapat dilaksanakan akibat pandemik ini termasuklah membeli barangan rumah selain keperluan asas dan memotong rambut serta pelbagai lagi kemahuan sendiri. Kerajaan sedar, semakin lama perkara ini dihadkan, semakin besar risikonya terhadap kesihatan mental dan fizikal rakyat.

Kerajaan juga melihat bahawa amat penting untuk sektor ekonomi kembali dibuka secara berperingkat kerana jika tidak dimulakan sekarang, kesannya terutama terhadap pengusaha perniagaan dan pekerja-pekerja mereka akan semakin parah.

Penting untuk dijelaskan, **kemudahan terbaharu yang saya umumkan ini akan terpakai ke atas semua fasa PPN dengan syarat, kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa di negeri berkenaan mestilah telah mencapai sekurang-kurangnya 50% dan individu- individu yang ingin memanfaatkan kemudahan ini juga mestilah telah menerima vaksinasi lengkap.**

Sebagai contoh, sehingga 14 Ogos 2021, kadar vaksinasi lengkap bagi populasi dewasa (18 tahun ke atas) di Lembah Klang telah mencapai 64.7 peratus. **Maka, individu yang telah lengkap vaksinasi di Lembah Klang boleh memanfaatkan kemudahan-kemudahan ini apabila kemudahan-kemudahan ini mula berkuatkuasa.** Perincian garis panduan bagi kemudahan-kemudahan yang saya umumkan ini akan dikeluarkan oleh MKN dalam waktu terdekat.

KEMUDAHAN SEKTOR PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN FASA 1 PPN

Sehubungan itu, setelah mengambil kira data penilaian risiko yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan setelah berbincang dengan semua pemegang taruh (stakeholders) dalam sektor-sektor berkepentingan, Kerajaan bersetuju memberikan **kemudahan dalam sektor perdagangan dan pengedaran berkuatkuasa 16 Ogos 2021, melibatkan 11 jenis aktiviti ekonomi yang akan dibenarkan kembali beroperasi di dalam Fasa 1 iaitu:**

1. Kedai cuci kereta
2. Kedai elektrik dan elektronik
3. Kedai barangan rumah dan peralatan dapur
4. Kedai perabot

5. Kedai peralatan sukan
6. Kedai aksesori kereta
7. Pusat pengedaran dan jualan kereta
8. Pasar pagi dan pasar tani sahaja
9. Kedai pakaian, fesyen dan aksesori
10. Kedai barang kemas
11. Kedai gunting rambut dan pusat/salun kecantikan (perkhidmatan gunting rambut asas sahaja)

Bagi kedai pakaian, fesyen dan aksesori; kedai barang kemas; serta kedai gunting rambut dan pusat/salun kecantikan (perkhidmatan gunting rambut asas sahaja) – terdapat SOP-SOP kesihatan tambahan yang **MESTI** dipatuhi. Ia termasuklah memakai sarung tangan, menghadkan masa urusan antara pekerja dan pelanggan serta tidak membenarkan penggunaan fitting room. SOP-SOP ini mungkin merumitkan tetapi ia demi keselamatan pekerja dan pelanggan.

Pemilik premis yang tersenarai dalam perniagaan boleh beroperasi semula ini juga perlu memastikan pelanggan yang memasuki premis **MESTI** menunjukkan **sijil digital vaksinasi COVID-19** (digital certificate

COVID-19 vaccination) bagi membuktikan individu tersebut telah **menerima vaksinasi lengkap**. Sekali lagi diingatkan, maksud vaksinasi lengkap ialah 14 hari selepas tarikh suntikan dos kedua bagi vaksin jenis dua dos, dan 28 hari selepas tarikh suntikan bagi vaksin jenis satu dos.

KEMUDAHAN SEKTOR PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN FASA 2 PPN

Kerajaan juga bersetuju membenarkan 11 aktiviti ekonomi di dalam sektor perdagangan dan pengedaran untuk kembali beroperasi di dalam Fasa 2 **berkuatkuasa pada 16 Ogos 2021**. Kesemua 11 aktiviti ekonomi ini adalah tambahan kepada 11 aktiviti ekonomi yang dibenarkan beroperasi semula di dalam Fasa 1. Aktiviti-aktiviti ekonomi tersebut adalah seperti berikut:

1. Kedai barang fotografi dan perkhidmatan fotografi;
2. Kedai barangan terpakai;
3. Kedai bunga dan nurseri;
4. Kedai kraftangan dan cenderahati;
5. Kedai antik;
6. Kedai alat permainan;

7. Kedai permaidani;
8. Kedai kandungan kreatif dan peralatan industri kreatif;
9. Kedai peralatan outdoor (termasuk peralatan perkhemahan, memancing dan lain- lain);
10. Kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi;
11. Kedai tembakau (termasuk vape dan rokok elektronik);

Pemilik premis yang tersenarai dalam perniagaan boleh beroperasi semula ini juga perlu memastikan pelanggan yang memasuki premis **MESTI** menunjukkan **sijil digital vaksinasi COVID-19** (digital certificate COVID-19 vaccination) bagi membuktikan individu tersebut **telah menerima vaksinasi lengkap**.

KEMUDAHAN BEROPERASI BAGI SEKTOR PEMBUATAN, PEMBINAAN, PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Dalam pada itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa **Kerajaan bersetuju membenarkan semua aktiviti tidak perlu (non-essential) dalam sektor-sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian kembali beroperasi bermula 16**

Ogos 2021 di negeri Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 PPN. Namun kapasiti pengoperasian adalah bergantung kepada kadar vaksinasi lengkap pekerja.

Kadar vaksinasi lengkap pekerja	Kapasiti Pengoperasian
80% – 100%	100%
60%-79%	80%
40%-59%	60%

Kerajaan faham, keputusan ini akan menimbulkan pelbagai reaksi daripada orang ramai yang bimbang dengan risiko penularan. Sekali lagi dijelaskan bahawa setiap ketetapan dibuat dengan berhati-hati. Setelah lebih setahun negara berada dalam situasi pandemik, banyak majikan mula mengurangkan tenaga kerja sekaligus menyebabkan ramai hilang pekerjaan. Dalam situasi sukar ini, kerajaan tidak boleh membiarkan keadaan ini berlarutan.

Kepada majikan, Kerajaan amat berharap kemudahan yang diumumkan hari ini dapat merancakkan semula perusahaan masing-masing. Saya ingin

mengingatkan semua majikan supaya mematuhi dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebelum memulakan semula operasi bagi memastikan keselamatan pekerja dan tempat kerja terjamin. Pada masa yang sama, manfaatkanlah sepenuhnya inisiatif subsidi upah yang disediakan Kerajaan bagi memastikan setiap pekerja memperolehi bayaran gaji mereka.

Kepada para pekerja, laporkan segera kepada **Kementerian Kesihatan Malaysia** di cprc@moh.gov.my atau **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** di aduan.sop@moha.gov.my atau **Kementerian Sumber Manusia** melalui aplikasi **Working For Workers (WFW)** sekiranya majikan tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Kuasa di tangan anda sebagai pekerja kerana majikan yang tidak mematuhi SOP dan melanggar Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) boleh dikompaun dan dihadapkan di mahkamah.

Di bawah Akta ini juga, KKM mempunyai kuasa penuh untuk memberi notis perintah tutup premis. Saya difahamkan dari tempoh 26 Julai hingga 10 Ogos, lebih 900 premis telah diarahkan tutup kerana kegagalan mematuhi SOP. Ini adalah bukti Kerajaan amat tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan. Terima kasih kepada rakyat dan pekerja yang membuat aduan sekaligus memudahkan pihak berkuasa menjalankan penguatkuasaan.

KEBENARAN MENGUNJUNGI TAMAN REKREASI AWAM BAGI TUJUAN RIADAH

Sementara itu, bagi memastikan kesejahteraan rakyat dipelihara terutamanya dalam usaha mengurangkan tekanan terhadap kesihatan mental, Kerajaan juga bersetuju membenarkan taman-taman rekreasi awam bagi negeri-negeri di dalam Fasa 1 PPN dibuka bagi tujuan aktiviti riadah berkuatkuasa 16 Ogos 2021.

Tetapi ingat, **HANYA** aktiviti yang boleh dilakukan secara individu seperti **jogging, berbasikal dan bersenam** dibenarkan, selari dengan SOP sukan dan riadah dalam Fasa 1 PPN. Orang ramai juga hanya dibolehkan mengunjungi taman-taman rekreasi awam di kawasan kejiranan sahaja. Janganlah rentas negeri atau daerah untuk pergi ke taman rekreasi lain.

Kebenaran ini amat penting untuk rakyat mendapat lebih masa berada di kawasan yang terbuka dan mempunyai sistem pengudaraan yang lebih baik berbanding hanya terkurung di rumah. Jadi, saya amat berharap agar kemudahan ini tidak disalah guna.

Ingin saya tegaskan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi berkaitan yang bertanggungjawab memantau pematuhan SOP di taman-

taman rekreasi awam ini, **mestilah bertanggungjawab sepenuhnya** ke atas pelaksanaan kemudahan yang diberikan bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut peraturan serta garis panduan yang telah ditetapkan dan mengelakkan mudarat.

PROJEK PERINTIS DESTINASI GELEMBUNG PELANCONGAN

Sebagai makluman awal, Kerajaan sedang meneliti pandangan serta maklum balas dari stakeholders berhubung **perancangan untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai projek perintis (pilot project) destinasi gelembung pelancongan**. Perancangan ini penting untuk Kerajaan merancakkan semula industri pelancongan selepas lebih setahun terkesan akibat pandemik.

KKM serta pakar-pakar kesihatan telah menyarankan Kerajaan agar melaksanakan perancangan ini hanya **apabila kadar vaksinasi lengkap penduduk Pulau Langkawi mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus daripada jumlah keseluruhan populasinya**.

Manakala, kumpulan yang dibenarkan melancong ke Pulau Langkawi kelak adalah terhadap kepada individu-individu yang telah menerima vaksinasi lengkap. Cadangan ini sedang diteliti Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri

dan akan dimuktamadkan melalui beberapa lagi siri perbincangan selepas ini.

Selain Pulau Langkawi, Kerajaan juga mempunyai perancangan untuk melaksanakan pendekatan gelembung pelancongan di lebih banyak destinasi terutamanya yang mempunyai kaedah kawalan pergerakan keluar masuk pelancong yang baik seperti di pulau- pulau peranginan lain yang terdapat di seluruh negara.

Walaupun bagaimanapun, perkara ini masih di peringkat perancangan dan Kerajaan akan melihat hasil projek perintis (Pulau Langkawi) terlebih dahulu. Jika semua berjalan lancar, insya-Allah gelembung pelancongan akan dilaksanakan secara lebih meluas.

PENUTUP

Kerajaan amat berharap, kemudahan-kemudahan yang diumumkan hari ini bukan sahaja dapat memberikan sedikit kelegaan kepada rakyat dari sudut emosi dan kesihatan mental malah turut membantu memulihkan semula secara berperingkat situasi khususnya kumpulan yang terlibat dalam sektor ekonomi.

Ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa setiap kementerian dan agensi yang memantau kemudahan-kemudahan tersebut, termasuk pemilik premis, **MESTILAH BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA** ke atas pelaksanaan kemudahan yang diberikan bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut peraturan serta garis panduan yang telah ditetapkan dan mengelakkan mudarat.

Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menarik semula kemudahan-kemudahan yang telah diberikan sekiranya berlakunya ketidakpatuhan terhadap garis panduan serta SOP-SOP yang telah ditetapkan. Jika berlaku jangkitan di premis yang menerima kemudahan- kemudahan ini, KKM akan segera mengambil langkah sewajarnya termasuk melakukan penilaian semula risiko serta tidak menolak kemungkinan menutup serta-merta premis atau kawasan yang terlibat selain mengeluarkan kompaun kepada pihak yang dikenalpasti melanggar SOP.

Sekali lagi saya ingin mengingatkan, kemudahan yang diberi bukan bermakna rakyat telah mendapat kebebasan mutlak. Setiap SOP, garis panduan dan prosedur mesti dipatuhi sebaiknya.

Amalan pemakaian pelitup muka, melaksanakan penjarakan fizikal dan menjaga kebersihan sendiri juga mesti diteruskan oleh setiap lapisan masyarakat. Virus COVID-19 masih berada di persekitaran dan kita

mestilah terus berjuang bersama-sama untuk memerangnya habis-habisan. InsyaAllah kita menang bersama.

Sekian, Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.

**YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD
YASSIN
PERDANA MENTERI**

15 OGOS 2021

TEKS UCAPAN

YAB PERDANA MENTERI BERSAMA MEMULIHKAN NEGARA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh dan salam sejahtera.

Apa khabar semua? Saya doakan saudara dan saudari sihat walafiat.

1. Negara kita masih berhadapan dengan cabaran getir pandemik Covid-19. Saya dengan perasaan hiba ingin mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mangsa Covid-19 yang telah pergi meninggalkan kita buat selamanya dan mendoakan semoga semua pesakit Covid-19 diberikan kesembuhan segera.

2. Saya berharap program vaksinasi yang sedang giat dijalankan pada masa ini bakal memulihkan negara kita dalam tempoh tidak berapa lama lagi, insyaAllah.

3. Malaysia dijangka mencapai kadar vaksinasi 100 peratus populasi dewasa dan 80 peratus populasi keseluruhan pada bulan Oktober tahun ini, iaitu dalam jangkamasa dua bulan akan datang. Pada masa itu, insyaAllah, kes- kes Covid-19 akan mencatatkan penurunan yang ketara dan menjadi lebih terkawal.

4. Kita terus berdoa kepada Allah s.w.t. dan berikhtiar dengan sepenuh jiwa dan raga agar kita semua terhindar dari wabak ini. Saya amat menghargai pengorbanan para frontliners kita yang terus cekal bertugas saban hari tanpa mengenal penat dan lelah, serta kesabaran saudara dan saudari

semua dalam menghadapi ujian getir ini. InsyaAllah, negara kita akan pulih.

5. Apabila negara kita telah pulih daripada wabak ini, saya percaya bukan sahaja kita semua dapat kembali kepada kehidupan biasa, tetapi dapat bersama-sama membawa semula negara kita ke mercu kejayaan dan kegemilangan.

6. Hari ini, kita telah mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 16.1% pada suku kedua 2021. Berbanding dengan suku-suku sebelumnya, tren pemulihan yang berterusan ini adalah bukti jelas bahawa dasar-dasar kerajaan telah membuahkan hasil, walaupun dalam keadaan yang amat mencabar. Perkembangan ini disokong oleh Belanjawan 2021, serta pakej-pakej rangsangan dan bantuan Kerajaan. Pasaran kewangan dan modal kita juga menunjukkan daya tahan yang baik pada Suku Kedua 2021.

7. Melangkah ke hadapan, dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara dan peningkatan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, ekonomi Malaysia dijangka akan beransur pulih. Sasaran 50 peratus populasi dewasa negara divaksinasi sepenuhnya pada akhir Ogos akan membolehkan kita membuka semula kegiatan ekonomi dan sosial secara lebih meluas untuk memacu pemulihan ekonomi negara.

8. I strongly believe, we will heal this nation together and bring back its glory.

9. Namun, saya berasa agak sedih dan dukacita dengan perkembangan politik yang sedang berlaku mutakhir ini. Hari ini, di hadapan saudara dan saudari semua, saya ingin bercakap secara jujur dan berterus terang.

10. Sebagai seorang manusia, saya tentunya tidak terhindar daripada kelemahan dan kekurangan. Apa lagi dalam keadaan saya sebagai Perdana Menteri yang memikul suatu tanggungjawab berat untuk mengurus pandemik yang luar biasa ini sejak lebih setahun yang lalu.

11. Pastinya, saya memerlukan sokongan dan dokongan daripada rakan-rakan saya dalam kabinet, pimpinan kerajaan negeri, pegawai-pegawai kerajaan, frontliners dan rakyat seluruhnya untuk membolehkan saya melaksanakan tanggungjawab membawa negara ini keluar daripada krisis.

12. Tidak kurang pentingnya ialah sokongan rakan-rakan Ahli Parlimen dalam kerajaan Perikatan Nasional yang mana dengan sokongan merekalah saya berada di sini pada hari ini. Keabsahan saya sebagai Perdana Menteri ditentukan oleh sokongan majoriti Ahli-Ahli Parlimen.

13. Namun, malangnya dalam keadaan saya dan rakan-rakan dalam kabinet berhempas pulas mengurus pandemik, beberapa Ahli Parlimen telah menarik sokongan kepada saya. Ini menimbulkan keraguan tentang keabsahan saya sebagai Perdana Menteri dan kedudukan Kerajaan Perikatan Nasional sebagai kerajaan yang memerintah.

14. Dalam keadaan ini, saya mempunyai dua pilihan menurut Perlembagaan Persekutuan. Saya boleh memohon perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihanraya atau meletak jawatan.

15. Pilihan saya yang paling mudah ialah meletak jawatan. Jika saya mengambil keputusan ini, maka selesailah urusan saya dan terserahlah kepada kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di- Pertuan Agong untuk memilih Perdana Menteri yang baharu. Menurut Perkara 43(2) Perlembagaan Persekutuan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku boleh melantik seorang Perdana Menteri dari kalangan Ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat.

16. Saya patuh kepada Perlembagaan dan akan mengambil jalan yang terhormat untuk menyelesaikan kemelut politik yang sedang berlaku.

17. Namun, sehingga saat ini tiada seorang pun Ahli Dewan Rakyat lain yang dapat membuktikan dia mendapat sokongan majoriti Ahli Dewan Rakyat untuk membolehkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik Perdana Menteri baharu.

18. Jika saya meletak jawatan pada masa ini, bukan saya seorang sahaja yang berhenti menjadi Perdana Menteri. Menurut Perlembagaan Persekutuan, saya hendaklah meletakkan jawatan seluruh anggota Jemaah Menteri. Ini bermakna Kerajaan Perikatan Nasional yang mentadbir negara pada masa ini akan jatuh.

19. Saya memikirkan dalam keadaan tiada seorang pun Ahli Dewan Rakyat lain yang mendapat sokongan majoriti pada masa ini, Perdana Menteri yang baharu tidak boleh dilantik menurut Perlembagaan. Apabila Perdana Menteri tidak boleh dilantik, maka kabinet pun tidak boleh dilantik dan kerajaan baharu tidak dapat dibentuk.

20. Apa akan jadi kepada negara kita sekiranya krisis politik berlarutan dan kerajaan baharu tidak dapat dibentuk dalam kadar segera? Kerajaan mana yang akan memastikan program vaksinasi berjalan lancar dan mengikut jadual?

21. Sedangkan tempoh dua bulan akan datang adalah amat genting. Jika semua perancangan kerajaan dapat dilakansakan seperti yang dijadualkan, kita akan mencapai imuniti kelompok pada bulan Oktober. Sekiranya terganggu dengan kemelut politik yang tidak berkesudahan dan kerajaan yang sah tidak dapat dibentuk, sasaran imuniti kelompok tidak akan dapat dicapai dan nyawa rakyat akan terus berada dalam bahaya.

22. Justeru, saya telah merundingi rakan-rakan saya di dalam kabinet dan pimpinan parti-parti dalam Kerajaan Perikatan Nasional untuk membuat keputusan yang terbaik demi rakyat dan negara. Bukan untuk kepentingan peribadi saya dan rakan-rakan yang lain.

23. Kami telah mencapai satu kata sepakat untuk berunding dengan pimpinan parti-parti di luar Perikatan Nasional untuk meluluskan usul undi percaya kepada Perdana Menteri di Dewan Rakyat. Ini akan membolehkan kerajaan yang ada pada hari ini terus berfungsi mengurus pandemik hingga tiba suatu masa yang sesuai untuk diadakan pilihanraya bagi mengembalikan semula mandat kepada rakyat. Usul undi percaya ini hanya boleh diluluskan dengan sokongan bi- partisan di Dewan Rakyat.

24. Kerajaan yang akan wujud selepas usul undi percaya ini diluluskan adalah sebuah kerajaan yang lebih stabil dan inklusif. Stabil dengan dokongan bi- partisan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, serta inklusif dengan pengiktirafan kepada parti-parti pembangkang untuk memainkan

peranan semak dan imbang yang lebih efektif dan menyeluruh. Kestabilan politik adalah amat penting dalam kita memerangi pandemik. Covid-19 dan memulihkan negara. Kita harus akur dan sedar, proses pemulihan negara ini bukan satu usaha perkara yang mudah. Oleh itu, kita memerlukan sokongan, usaha dan tumpuan semua pihak yang untuk memulih dan mengembalikan negara yang kita cintai ini kepada landasan pembangunan dan pertumbuhan yang sihat. Apabila kita tidak dapat menstabilkan politik negara untuk membantu proses pemulihan, yang menanggung sengsara dan beban ini adalah rakyat. Yang rugi adalah rakyat dan tanah air kita ini.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

25. Di hari Jumaat yang mulia ini, saya ingin membentangkan cadangan rangka persefahaman rentas parti yang akan dilaksanakan oleh kerajaan sekiranya usul undi percaya diluluskan.

26. Pertamanya ialah mengenai peruntukan kepada Ahli-Ahli Parlimen. Baru-baru ini saya telah mengumumkan pemberian peruntukan 300 ribu ringgit kepada semua Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara tanpa mengira parti politik bagi tujuan pembelian bakul makanan untuk diagih kepada rakyat yang memerlukan. Atas semangat kerjasama bi-partisan di Parlimen dan keperluan untuk memperluaskan bentuk-bentuk bantuan kepada rakyat dalam situasi pandemik, semua Ahli Parlimen akan menerima peruntukan tahunan yang sama tanpa mengira parti politik. Bagi

Ahli Parlimen pembangkang, peruntukan untuk tahun ini akan dibuat secara prorata mengikut jumlah bulan yang berbaki.

27. Kedua, bagi mendokong prinsip “Whole of Government” dan “Whole of Society” dalam memerangi pandemik COVID-19, Menteri Kewangan telah mengadakan libat urus dengan pelbagai pihak termasuk pimpinan parti pembangkang untuk mendapatkan input dan cadangan bagi menambahbaik Pelan Pemulihan Negara. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan telah meneliti dan bersetuju untuk menerima beberapa cadangan dan input yang telah diutarakan.

28. Seajar dengan cadangan yang telah diterima, Kerajaan akan membentangkan untuk kelulusan Parlimen penambahan siling Dana COVID-19 sebanyak RM45 bilion dari RM65 bilion seperti yang diluluskan oleh Parlimen tahun lalu kepada RM110 bilion. Peningkatan ini akan membantu memenuhi keperluan tambahan dalam mengatasi krisis COVID-19 dari segi mengukuhkan sistem kesihatan, menambahbaik bantuan kepada rakyat dan menyokong kelangsungan perniagaan.

29. Dalam menangani krisis kesihatan COVID-19, peruntukan tambahan akan disediakan untuk meningkatkan dan menyegerakan usaha menyaring kes COVID-19, pengesanan kontak rapat dan pengasingan mereka yang positif atau test, trace and isolate. Kerajaan juga akan mengukuhkan sistem kesihatan terutamanya dalam menambah petugas kesihatan serta

meningkatkan kapasiti wad ICU, termasuk penyumber luaran pesakit dari hospital awam ke hospital swasta, selaras dengan pendekatan “Whole of Nation”.

30. Dari aspek bantuan kepada rakyat pula, Kerajaan komited untuk membantu golongan terjejas. Bantuan tunai sebanyak RM10 bilion akan disalurkan kepada 11 juta penerima dalam separuh kedua tahun 2021. Bantuan tunai bagi mereka yang memerlukannya akan diteruskan pada tahun 2022, bukan sahaja untuk golongan B40 tetapi juga meliputi bantuan bersasar kepada golongan miskin tegar, miskin bandar dan M40 yang kehilangan pendapatan.

31. Bagi menyokong kelangsungan perniagaan dan pemulihan ekonomi, dana tambahan Kumpulan Wang COVID-19 akan digunakan bagi membantu insentif pengambilan pekerja serta meningkatkan pembiayaan kepada PKS, terutamanya dalam meraih peluang ekor pembukaan semula ekonomi selaras dengan pelaksanaan PPN.

32. Ketiga, sekiranya Kerajaan berjaya mendapatkan sokongan bi-partisan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang melebihi majoriti dua pertiga, suatu Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan untuk menghadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada dua penggal sahaja dan Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti akan dibentangkan di Parlimen.

33. Keempat, Kerajaan juga akan memperkukuhkan reformasi parlimen dengan memastikan jumlah Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang yang menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen adalah lebih seimbang. Jumlah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen juga boleh ditambah untuk memastikan semua Ahli Parlimen dapat memainkan peranan semak dan imbang yang lebih berkesan menerusi penglibatan mereka dalam jawatankuasa ini. Sebagai pengiktirafan kepada peranan semak dan imbang di Parlimen, 50 peratus Jawatankuasa Pilihan Khas akan dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Kerajaan dan 50 peratus lagi oleh Ahli Parlimen pembangkang. Seajar dengan jangkaan bebanan tugas yang akan bertambah dalam melaksanakan fungsi semak dan imbang yang lebih efektif, Kerajaan akan menyediakan kakitangan sokongan dan saraan yang berpatutan kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

34. Kelima, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Undi 18 tanpa menunggu pelaksanaan pendaftaran automatik yang akan mengambil masa. Untuk itu, satu Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan akan dibentangkan di Parlimen untuk tujuan ini. Saya berharap, dengan adanya kerjasama bi-partisan di Parlimen, rang undang-undang ini akan dapat diluluskan.

35. Keenam rang undang-undang termasuk rang undang-undang perbekalan yang akan dibentangkan di Parlimen akan dirundingi terlebih dahulu dengan semua Ahli Parlimen. Suatu rang undang-undang hanya akan dibentangkan sekiranya mendapat sokongan majoriti Ahli Parlimen.

36. Akhirnya yang Ketujuh, sebagai pengiktirafan kepada peranan parti pembangkang yang mempunyai jumlah perwakilan yang hampir seimbang di Dewan Rakyat, Ketua Pembangkang akan diberikan saraan dan kemudahan yang setara dengan seorang Menteri Kanan.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

37. Saya tidak berhasrat untuk terus berpaut pada dahan kuasa. Dalam keadaan ini, adalah wajar mandat dipulangkan semula kepada rakyat untuk memilih kerajaan yang baharu apabila tiba masa yang lebih sesuai. Justeru, bergantung kepada situasi pandemik, saya membuat akujanji bahawa pilihanraya umum ke lima belas akan diadakan selewat-lewatnya pada penghujung bulan Julai tahun hadapan.

38. Tujuan saya kemukakan cadangan ini ialah untuk membolehkan kerajaan terus berfungsi di waktu pandemik dengan sokongan bi-partisan di Parlimen. Pada masa yang sama, saya juga seperti anda semua, mempunyai tanggungjawab untuk tidak membiarkan kumpulan kleptokrat memerintah jika kemelut politik ini tidak diselesaikan segera.

39. Maka, saya dengan penuh takzimnya menjemput semua pimpinan parti politik untuk membincangkan cadangan-cadangan ini pada minggu hadapan. Saya akan mengeluarkan jemputan rasmi kepada semua

pimpinan parti politik untuk menghadiri perbincangan ini. Saya bersedia untuk mendengar pandangan mereka berhubung cadangan ini.

40. Sekiranya cadangan kerjasama bi-partisan ini dipersetujui, saya akan memanggil Sidang Khas Dewan Rakyat untuk membentangkan usul undi percaya kepada Perdana Menteri dalam masa terdekat.

41. Saya memberi jaminan bahawa saya akan mengambil tindakan yang terhormat dan berperlembagaan dalam menyelesaikan kemelut politik yang berlaku pada masa ini. Keutamaan saya hanyalah untuk memastikan kerajaan terus berfungsi dengan baik untuk menangani pandemik dan memulihkan negara.

42. Kepada Allah jualah saya berserah.

Bismillahi tawakkaltu Ala Llah.

Wabillahi al-taufik wal hidayah wassalamu' alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.

**YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD
YASSIN
PERDANA MENTERI
13 OGOS 2021**

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2021/08/teks-ucapan-khas-bersama-memulihkan-negara-13-ogos-2021/>